



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44
Bil. 23

9 November 2000

TAMBAHAN No.7
PERUNDANGAN

Pg.P.U.12

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

FATWA MENGENAI TANAH WAKAF SYEIKH EUSOFF

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) *En.No .7/1993* Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

FATWA ON TANAH WAKAF SYEIKH EUSOFF

IN exercise of the power conferred by subsection 36(1) and (2) of the *En.No .7/1993* Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang

1993, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

1. Sebidang tanah yang terdapat di atasnya sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Syeikh Eusoff telah pun ditetapkan sebagai wakaf melalui DEEP POLL NOMBOR PENDAFTARAN 584, 1890 adalah berkekalan hingga ke hari ini dan untuk selama-lamanya. Harta yang diwakafkan tidak boleh dibatalkan, ia tetap berkekalan kerana faktor masa tidak boleh dikaitkan dalam proses wakaf.

(Rujukan: As-Syed Al-Bakri, Hasyiah I'anatul At'-Talibin, Juz. Ketiga, Dar Al Fikr, (t.t.), halaman 167.)

وَلَا يُبْطِلُ الْوَقْفُ عَلَىٰ كُلِّ حَالٍ بَلْ يَكُونُ مُسْتَمِرًا عَلَيْهِ

Maksud: Dan tidak batal wakaf setiap keadaan malah adalah berterusan.

Dengan ini wasiat yang dibuat oleh Syeikh Eusoff pada 30 Disember 1892 adalah terbatal atau tidak sah.

2. Wasiat yang dibuat oleh Syeikh Eusoff pada tahun 1892 adalah tidak sah kerana ketika itu harta tersebut sudah tidak menjadi milik Syeikh Eusoff berpandukan kepada kitab Mughni Muhtaj karangan Muhammad Khatib As-Syarbini, Juz Kedua, Dar Al Fikr, (t.t.), halaman 398.

الاَظْهَرُ أَنَّ الْمَلْكَ فِي رَقْبَةِ الْمَوْقُوفِ يَنْتَقِلُ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَيْ يَنْفَكُ عَنِ الْإِخْتِصَاصِ الْأَدْمِيِّ
فَلَا يَكُونُ لِلْوَاقِفِ وَلَا لِلْمَوْقُوفِ عَلَيْهِ، وَمَنْفَعَهُ مَلْكٌ لِلْمَوْقُوفِ عَلَيْهِ.

Maksudnya: Pendapat Al-Azhar bahawa pemilikan harta yang diwakaf berpindah kepada Allah yakni tertanggal dari ikhtisas manusia, oleh yang demikian maka tidaklah ia milik pewakaf dan tidak pula milik penerima wakaf, tetapi segala manfaatnya adalah milik penerima wakaf.

3. Syarat-syarak wakaf dari DEED POLL 1890 adalah seperti berikut:
 1. Tanah tersebut dijadikan perkuburan untuk Syeikh Eusoff, Isteri, Anak-anak dan Waris-waris.
 2. Sebagai wakaf untuk kepentingan dan kegunaan orang-orang Islam di Pulau Pinang.
 3. Hasil kutipan sewaan setelah ditolak perbelanjaan untuk kegunaan Masjid Syeikh Eusoff diberikan kepada fakir miskin daripada keluarga Syeikh Eusoff dan untuk pembayaran pengajian Al-Quran bagi anak-anak lelaki dan perempuan Islam dan sekiranya masih terdapat baki tertinggal maka diberikan untuk pakaian kepada orang-orang Islam miskin.
 4. Membenarkan sebahagian tanah didirikan penempatan untuk ahli keluarga Syeikh Eusoff.
4. Harta wakaf hanya boleh diambil manfaatnya sahaja, tidak boleh dijadikan hak milik seseorang atau waris.

Hadith Ibnu Umar:

حدِيثُ إِبْنِ عُمَرَ : أَنَّ عُمَرَ أَصَابَ أَرْضًا مِنْ أَرْضِ خَيْرٍ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُنِي؟ فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَّسْتَ أَصْلَاهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، عَلَى أَلَا تُبَاغَ وَلَا تُوْهَبَ وَلَا تُؤْرَثَ، فِي الْفُقَرَاءِ وَدَوْنِ الْفُرَبَى وَالرَّقَابِ وَالضَّعِيفِ وَإِنْ السَّبِيلُ، وَلَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا أَنْ يَكُلُّ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَحِذِّذِ مِنْهَا مَالًا أَيْ مِلْكًا...

Maksudnya: Bahawa Umar R.A. memperolehi sebidang tanah di Khaibar lalu ia berkata, "wahai Rasulullah: saya memperolehi sebidang tanah di Khaibar yang mana saya tidak memperolehi mana-mana harta lebih berharga daripadanya di sisi saya, maka apa perintahmu kepada saya mengenainya? Jawab Rasulullah, Jika engkau mahu, engkau tahankannya dan wakafkannya", lalu Umar mewakafkannya untuk orang-orang fakir, kaum

kerabat, hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang-orang dhaif dan orang-orang musafir atau hendak memulakan pejalanan (safar), dengan syarat tanah wakaf itu tidak boleh dijual beli, tidak boleh diberi secara percuma (hibah) dan tidak boleh diwarisi dan tidak mengapa mereka yang mengurusnya memakan daripadanya secara makruf dan memberi makan daripadanya tanpa menjadikannya harta sebagai milik.

(Rujukan: Doktor Wahbah Az Zuhaili, Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu, Juz Kelapan, 155, (t.t.)).

Dibuat 17 Ogos 2000.

Made 17th August 2000.

[PU/PP 3200.]

DATO' HAJI HASSAN BIN AHMAD

Mufti Kerajaan,

Negeri Pulau Pinang

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS

ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

FATWA MENGENAI TANAH WAKAF SYEIKH EUSOFF

En.No .7/1993 PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

FATWA ON TANAH WAKAF SYEIKH EUSOFF

En.No .7/1993 IN exercise of the power conferred by subsection 36(1) and (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDE

1. سبیدغ تانه يع تردافت د ائس، سبواه مسجد يع دکنالی سباکی مسجد شیخ یوسف تله چون
دنتقکن سباکی وقف ملالوءی (DEED POOL NOMBOR PENDAFTARAN 584, 1890) اداله برکالان هیغکا کهاری این دان انتوق سلاما-لاماش. هرت يع تله دوتفکن تیدق
بولیه بطلکن، ای تنق برکالان کران فکتور ماس تیدق بولیه دکایتکن دالم ڤروسیس وقف.

(رجوعکن:- السيد البكري، حاشية اعنة الطالبين، جزء 3، دار الفكر، (ت.ت.)، هلامن (167

ولا يبطل الوقف على كل حال بل يكون مستمرا عليه
برمصود: "دان تیدق بطل وقف ستیف کادأن ماله اداله برتروسن"
دعن این، واصیة يع دبوات اوله شیخ یوسف قد 30 دسمبر 1892 اداله تربطل اتو تیدق
صح.

2. وصیة يع دبوات اولیه شیخ یوسف قد تاهون 1892 اداله تیدق صح کران کتیک ایت هرت
ترسبوت سوده تیدق منجادي میلیق شیخ یوسف برقدورکن کف کتاب معنی المحتاج کراغن
محمد خطیب الشربینی، جزء کدوا، دار الفكر، (ت.ت.)، هلامن 389 :-

الاظهر أن الملك في رقبة الموقوف ينتقل إلى الله تعالى أي ينفك عن إختصاص الاممي
فلا يكون للواقف ولا للموقوف عليه، ومنافعه ملك للموقوف عليه.

متصود:- "قدافت يع جلس (الاظهر) بهوا فمیلیکن هرت يع دوقف برقدینه کف الله يعني
ترتغل دری إختصاص مانسي، اوله يع دمکین مک تیدقله ای میلیق ڤوق دان تیدق ڤول
قريما وقف، تنافي سکال منفعتن اداله میلیق قريما وقف."

3. شرات-شراط وقف دري (DEED POOL 1890) اداله سفترت بر ايکوت :-

I) تانه ترسبوت دجاد يكن ۋرقۇران انتوق شىخ يوسف، استرى، انق-انق دان وارت-وارث.

2) سباڭي وقف انتوق كېتىغان دان كۈنأن اورغ-اورغ اسلام د ۋولو ۋېنىغ.

3) حصىل كوتىغان سىوان سىللە دتولق ۋېبلانجان انتوق كۈنأن مسجد شىخ يوسف دبرىكىن كەد فقير مسکىن درەنگ كلوارڭ شىخ يوسف دان انتوق ۋېبایران ۋەعاجىان القرآن باڭي انق-انق للاڭي دان ۋرمۇوان اسلام دان سكىراث ماسىھە ترداۋە باقى ترتىيەكلىك مك دبرىكىن انتوق ۋەكائىن كەد اورغ-اورغ اسلام مسکىن.

4) مېنرىكىن سېھاڭىن تانه ددىيەرىكىن ۋەنمقاتن انتوق اھلى كلوارڭ شىخ يوسف.

4. هرت وقف هاش بولىيە دامېلىل منفعتىن سهاج دان تىدق بولىيە دجاد يكن حق مىليق سسۈرگۈ اتو وارت.

حدىث ابن عمر :

حدىث ابن عمر : أَنَّ عُمَرَ أَصَابَ أَرْضًا مِنْ أَرْضِ خَيْرٍ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُنِي؟ فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَاهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمُرُ، عَلَى أَلَا تُبَاعَ وَلَا تُؤْهَبَ وَلَا تُؤْرَثَ، فِي الْفُقَرَاءِ وَدَوَىِ الْفُرْبَىِ وَالرَّقَابِ وَالضَّعِيفِ وَإِنِّي السَّيِّلُ، وَلَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعَمَ غَيْرُ مُتَّخِذِ مِنْهَا مَالًا أَى مِلْكًا...

برمقدود :

بەھا عمر رضي الله عنه مەقرولىيە سېيدىغ تانه دخىير لالو اي بركات : "واھى رسول الله، ساي مەقرولىيە سېيدىغ تانه دخىير يېغ مان ساي تىدق ۋرنە مەقرولىيە مان-مان هرت يېغ لېبىه بىرەنگ درەنگ دىسىسى ساي. مك اقق ۋەزىنە مو كەد ساي مەنەن ئىچىش؟ جواب رسول الله : "جىڭ اغىكى ماھو، اغىكى تاھنكىن دان وفقىنىڭ" لالو عمر موقۇنىڭ انتوق اورغ-اورغ فقير، قوم قرابە، ھەمب-ھەمب يېغ ھندق مەردىكاڭن دىرىيىش، اورغ-اورغ ضعيف دان اورغ-اورغ يېغ مسافىر اتو ھندق مەولاكىن ۋېرجالانن (سەفر)، دەعن شەرت تانه وقف ايت تىدق بولىيە دجوال بلى، تىدق بولىيە دبىي سچارا ۋېرچوما (ھېبىيە) دان تىدق بولىيە دوارىيىش دان تىدق مەغاف مەرىيەك يېغ مەعوروسىن ماماڭن درەنگ سچارا معروف دان مەبىي ماماڭن درەنگ تەنۋا منجادىكىن ھەرتا سباڭاي مىليق...

(رجوعك : دكتور و به الزهيلي ، الفقه الاسلامى وأدله، جزء كلافن، 155، (ت.ت))

دبوات قد 17 أوكتوبر 2000

[PU/PP 3200.]